



## IKLAN JAWATAN KOSONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT S41

### INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN DI BAWAH

1. (a) Jawatan: : Pegawai Pembangunan Masyarakat
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Universiti Sains Malaysia/ Hospital Universiti Sains Malaysia
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial (S)
- (d) Jenis Skim Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (e) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (f) Gred : S41

2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
S41	2,078.00	9,544.00	225.00

- Imbuan Tetap : Khidmat Awam : RM 300.00  
Perumahan : RM 300.00

3. Syarat Lantikan
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
    - Warganegara Malaysia;
    - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - Kelayakan Lantikan Ke Gred S41:

: Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : S41: RM2,078.00

ATAU

: Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada insitusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang

diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : S41 : RM2,281.86

**DAN**

Syarat Lantikan Tambahan : -

Syarat Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap/ Kontrak

5. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Universiti untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Pembangunan Masyarakat S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau

(ii) Lulus Peperiksaan Khas ; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

6. Ringkasan Tugas : **Umum**

Bertanggungjawab merancang, menyelaras dan melaksanakan program-program latihan dan kursus-kursus kemahiran di peringkat komuniti desa dan antarabangsa, menyelaras perbelanjaan program latihan, menyediakan laporan analisis dan pengkalan data latihan luar bandar dan antarabangsa, merancang, membangun dan menyemak modul-modul latihan luar bandar, menyelaras kajian dan penyelidikan agensi-agensi di bawah kementerian, merangka dan menerbitkan jurnal penyelidikan, laporan tahunan, majalah, buletin, membuat kajian penilaian outcome jabatan dan kementerian, mentadbir urus organisasi, personel dan kewangan, membangunkan pengupayaan kumpulan sasar, menguruskan pusat bertauliah untuk program persijilan yang diiktiraf.

Keutamaan akan diberikan kepada staf tetap/kontrak yang sedang berkhidmat di Universiti Sains Malaysia/ Hospital Universiti Sains Malaysia.

**PENDAFTAR**

